



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

**SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN (PUKAT LINGKONG)
MENGUNAKAN KAPAL DI ZON 4A
DI BAWAH SEKSYEN 8 (1) AKTA PERIKANAN, PENGGAL 61
CONDITIONS OF LICENCE FOR FISHING GEAR (PURSE SEINE) USING VESSEL IN ZONE 4A
UNDER SECTION 8 (1) FISHERIES ACT, CHAPTER 61**

1. Lesen ini (bilangan) adalah untuk alat menangkap ikan pukat lingkong menggunakan kapal (nama kapal) dengan bilangan daftar..... yang dipunyai oleh (nama syarikat).
This licence (no.) is for fishing gear (purse seine) using vessel..... (name of vessel) with registration number owned by..... (company).
2. Lesen ini tidak boleh digunakan untuk kapal lain. Nakhoda kapal dan anak-anak kapal hendaklah membawa kad nelayan semasa berada di atas kapal.
This licence shall not be used for other vessels. The captain and crews must carry their fisherman ID card while on board.
3. Pemegang lesen hendaklah tidak menukar milik, menjual, menyewa atau memberikan manfaat lesen ini kepada orang lain.
The licensee shall not transfer, sell, rent or assign the benefits of this licence to any other party.
4. Kapal tangkapan ikan menggunakan alat pukat lingkong hendaklah didaftarkan dengan pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan pada masa yang sama tidak boleh didaftarkan di negara-negara lain.
The fishing vessel shall be registered with the Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) and concurrently shall not be registered in other countries.
5. Kapal tangkapan ikan hendaklah dilengkapi dengan insuran badan kapal yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang dilantik oleh pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) yang masih sah tempohnya.
The fishing vessel shall be equipped with a valid Marine Hull insurance issued by companies appointed by the Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).
6. Mana-mana kapal tangkapan ikan menggunakan alat pukat lingkong hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:
Any vessel with purse seine fishing gear shall comply with the following:
 - 6.1 Kapal hendaklah mematuhi spesifikasi kapal menangkap ikan di Zon 4A yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan seperti dalam **Lampiran 1**.
The vessel shall comply with the specifications of the fishing vessel in Zone 4A set by the Department of Fisheries as specified in Annex 1.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

- 6.2 Kapal hendaklah dilengkapi dengan peralatan elektronik termasuk:
The vessel shall be equipped with electronic equipment including:
- a. *Emergency Positioning Indicating Radio Beacon (EPIRB) atau Search and rescue radar transponder (SART);*
Emergency Positioning Indicating Radio Beacon (EPIRB) or Search and rescue radar transponder (SART);
 - b. *Global Positioning System (GPS);*
Global Positioning System (GPS);
 - c. *Magnetic Compass;*
Magnetic Compass;
 - d. Radar yang berkeupayaan tidak kurang daripada 24 batu nautika;
Radar with range of not less than 24 nautical miles;
 - e. *echo sounder; dan*
echo sounder; and
 - f. alat perhubungan radio VHF dan MF/HF atau SSB.
VHF and MF/HF or SSB radio communication devices.

dan mestilah sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan;
and must always be in good and usable condition;

- 6.3 Kapal hendaklah dilengkapi dengan alat-alat keselamatan seperti dipersyaratkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) termasuk:
The vessel shall be equipped with safety equipment as required by the Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) including:
- a. jaket keselamatan
life jacket;
 - b. pelampung keselamatan
lifebuoy;
 - c. rakit keselamatan
life raft;
 - d. pam mudah alih atau pam kalis air;
portable pump or submersible pump;
 - e. baldi jenis besi yang dilengkapi dengan tali;
pail made of metal equipped with ropes;



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

- f. wisel dan hon;
whistle and horn;
- g. sekurang-kurangnya 2 unit alat pemadam api jenis serbuk (4.5kg);
at least 2 units of dry powder fire extinguisher (4.5kg);
- h. selimut api dan baldi yang diisi dengan pasir;
fire blanket and pail filled with sand;
- i. kapak; dan
axe; and
- j. sekurang-kurangnya 1 unit sauh dengan rantai
at least 1 unit of anchor with chain

dan mestilah sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan;
and must always be in good and usable condition;

- 6.4 Bilik pandu (*wheelhouse/bridge*) bahagian luar dan atap mestilah dicat dengan warna "Red Post Office 306 jenis cat jenama Kangaroo" atau yang sebanding dengannya;
The exterior and the roof of the wheelhouse/bridge shall be painted with the color "Red Post Office 306 Kangaroo brand" or equivalent;
- 6.5 Di sebelah tepi bahagian hadapan dan di tepi kiri dan kanan bilik pandu serta atap bilik pandu dicat "ZON 4A" dengan saiz tinggi huruf dan angka 60 cm, lebar huruf dan angka 30-40cm dan tebal huruf dan angka 10 cm warna putih;
The words "ZON 4A" shall be painted on the front, the sides and the roof of the wheelhouse/bridge with white paint. Size of letters and numbers measured to be at a height of 60 cm, width of 30-40 cm and thickness of 10 cm;
- 6.6 Kapal hendaklah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam yang berkeadaan baik semasa beroperasi;
The vessel shall fly the flag of Brunei Darussalam which is in good condition during operation;
- 6.7 Kapal hendaklah mematuhi had pengisian minyak jentera kapal yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan bagi setiap operasi menangkap ikan seperti dalam **Lampiran 2**.
The vessel shall comply with the vessel fuel consumption limit set by the Department of Fisheries during operation as specified in Annex 2.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

7. Pemegang lesen adalah tidak dibenarkan menukar atau mengganti enjin atau badan kapal berkenaan sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Perikanan.
The licensee shall not modify or replace the engine or hull of the vessel without written approval from the Director of Fisheries.
8. Pemegang lesen hendaklah tidak menggunakan alat menangkap ikan yang lain selain daripada alat pukat lingkong di atas kapal tangkapan ikan.
The licensee shall not use any fishing gear other than purse seine on the fishing vessel.
9. Nakhoda kapal atau sekurang-kurangnya seorang dari anak kapal hendaklah faham dan boleh bertutur dalam bahasa Melayu atau Inggeris.
The captain or at least one of the crew shall be able to understand and speak in Malay or English.
10. Tertakluk kepada perenggan 11, kapal tangkapan ikan menggunakan alat pukat lingkong hanya dibenarkan beroperasi untuk menangkap ikan di dalam bahagian perairan dan Zon Ekonomi Eksklusif Brunei Darussalam yang diiktiraf sebagai kawasan Zon 4A (45.1 batu nautika dari pantai) ke atas, mengikut koordinat zon penangkapan ikan yang dinyatakan dalam **Lampiran A – ZON 4A**.
Subject to paragraph 11, the fishing vessels are only allowed to operate for fishing in Brunei Darussalam's waters and Exclusive Economic Zone constituting Zone 4A (45.1 nautical miles from shore) and beyond, according to the coordinates of the fishing zone specified in Annex A – ZONE 4A.
11. Kapal tangkapan ikan menggunakan alat pukat lingkong **ditegah** :-
The fishing vessels are prohibited :-
 - 11.1. menangkap ikan di kawasan perairan 0 hingga 45 batu nautika dari pantai;
to fish within 0 to 45 nautical miles from shore;
 - 11.2. menangkap ikan di luar perairan Negara Brunei Darussalam;
to fish outside of Brunei Darussalam waters;
 - 11.3. menangkap ikan di kawasan Rizab Laut dan Taman Laut;
to fish within Marine Reserve and Marine Park;
 - 11.4. menggunakan alat selam semasa menangkap ikan;
to use diving equipment while fishing;
 - 11.5. menggunakan bahan-bahan letupan, racun, kimia, alat peranti elektrik dan senapang tempuling semasa menangkap ikan;
to use explosives, poisons, chemicals, electrical devices and harpoon guns while fishing;




**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

- 11.6. bersauh atau berlabuh di atas takat-takat asli dan tiruan;
to anchor or dock above the corals reefs and artificial reefs;
- 11.7. menyebabkan kerosakan kepada *Fish Aggregating Device* seperti lawa-lawa, payau dan unjang;
to cause damage to Fish Aggregating Devices;
- 11.8. memunggah ikan dari atau kepada kapal nelayan asing;
to load fish from or to foreign vessels;
- 11.9. menghampiri atau menangkap ikan di kawasan 500 meter dari sangkar ternakan ikan luar pantai; and
to approach or fish or attempts to fish less than a distance of 500 meters from offshore fish cage culture farms; and
- 11.10. bersauh, berlabuh atau bertambat berhampiran dengan sangkar ternakan ikan persisiran pantai termasuk sungai-sungai.
to anchor, berth or moor nearby inshore fish cage culture farms including rivers.
12. Peta-peta perikanan dan Koordinat Zon 4A dan peta-peta lain yang berkenaan hendaklah sentiasa ada dibawa di atas kapal tangkapan ikan menggunakan alat pukat lingkong.
Fisheries maps and coordinates of Zone 4A and other relevant maps shall always be carried on board of the vessel.
13. Kapal tangkapan ikan menggunakan alat pukat lingkong hendaklah bertambat dan menjalankan perusahaan dari Kompleks Pendaratan Ikan Muara sahaja atau di kawasan yang dibenarkan oleh Pengarah Perikanan dan mendaratkan semua hasil-hasil tangkapan di Kompleks tersebut seperti yang telah ditetapkan oleh Pengarah Perikanan.
The fishing vessel shall berth and operate from the Fish Landing Complex Muara only or from areas permitted by the Director of Fisheries and unload all catches at Fish Landing Complex Muara or as may be determined by the Director of Fisheries.
14. Pemegang lesen hendaklah mematuhi "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirement(s) For Fishing Vessels and Landing Sites".
The licensee shall comply with the "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirement (s) For Fishing Vessels and Landing Sites".
15. Pemegang lesen hendaklah memastikan mana-mana makanan/minuman pekerja disimpan di tempat yang bersesuaian dan tidak bercampur dengan hasil tangkapan ikan.
The licensee shall ensure any food/drink for the crews are kept in suitable area and shall not be mixed with fish catch.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

16. Pemegang lesen hendaklah memastikan makanan/minuman yang mengandungi bahan-bahan yang tidak mematuhi Hukum Syara' seperti khinzir disimpan di tempat bersesuaian dan diasingkan daripada makanan/minuman pekerja muslim lain jika berkenaan.
The licensee shall ensure any food/drink containing ingredients that do not comply with the Syariah Law such as porcine are kept in suitable area and shall be segregated from food/drink consumed by muslim crews if applicable.
17. Ukuran panjang pukot tidak boleh melebihi **800 meter (0.8 kilometer)** dan ukuran mata pukot hendaklah mematuhi seperti berikut:
The length of the purse seine net shall not exceed 800 meters (0.8 kilometers) and the net mesh size must comply with the following:
- 17.1. dari tali pelampung ke bawah pada kedalaman **0.76 meter** tidak boleh kurang (ukuran kecil) dari **762 mm** atau **3.0 inchi** apabila ditarik; dan
from the float line to 0.76 meters depth, the net mesh size shall not be less than 762 mm or 3.0 inches when stretched; and
- 17.2. dari kedalaman **0.76 meter** ke bawah hingga **240 meter** tidak boleh kurang (ukuran kecil) dari **35 mm** atau **1.5 inchi** apabila ditarik.
from a depth of 0.76 meters to 240 meters, the net mesh size shall not be less than 35 mm or 1.5 inches when stretched.





JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

18. Pemegang lesen hendaklah menggunakan aplikasi electronic ASEAN Catch Documentation Scheme (e-ACDS) bagi maklumat keluar/masuk daripada Kompleks Pendaratan Ikan Muara dan memuat naik data hasil tangkapan ikan yang ditangkap mengikut kawasan atau zon.
The licensee shall use the electronic ASEAN Catch Documentation Scheme (e-ACDS) to notify every departure from and arrival to the Fish Landing Complex Muara as well as total catch by area or zone.
19. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menghantar kepada Jabatan Perikanan laporan-laporan berikut dengan cara yang diarahkan :-
The licensee shall prepare and submit to the Department of Fisheries the following reports in a manner as maybe instructed :-
- 19.1. Jumlah hasil tangkapan ikan sebenar setiap kali mendarat termasuk jenis spesis, berat dan nilai;
Total actual catch per landing including by species, weight and value;
- 19.2. Lokasi koordinat aktiviti menangkap ikan sebenar setiap kali mendarat
Real coordinate location of fishing activities every time landing; and
- 19.3. laporan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.
any reports or other information required by the Department of Fisheries.
20. Pemegang lesen hendaklah memastikan supaya mana-mana ikan atau spesies yang dinyatakan di bawah yang ditangkap hendaklah dilepaskan dengan serta-merta tanpa merosakkan ikan atau spesis berkenaan:-
The licensee shall ensure that any fish or marine species stated below that are caught must be released immediately back into the water without damaging them :-
- 20.1. semua spesies ikan yu;
all species of sharks;
- 20.2. ikan lumba-lumba
dolphin;
- 20.3. dugong;
dugong;
- 20.4. penyu;
turtle;
- 20.5. udang bakara yang mempunyai ukuran panjang kepala kurang daripada 7.5cm;
lobster with a carapace length of less than 7.5cm;



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

- 20.6. udang bakara yang bertelur;
egg-bearing lobster;
- 20.7. ketam yang mempunyai ukuran lebar badan kurang daripada 11.5cm;
dan
crab with a carapace width of less than 11.5cm; and
- 20.8. ketam yang bertelur.
egg-bearing crab.
21. Pemegang lesen hendaklah menyediakan ruang penyimpanan sampah di dalam kapal dan membawa sampah-sampah yang dikumpulkan untuk dibuang di kawasan pembuangan sampah yang bersesuaian.
The licensee shall allocate a waste storage area within the vessel and shall dispose of the waste material at the appropriate waste disposal site.
22. Pemegang lesen adalah tidak dibenarkan untuk membuang barang termasuk sebarang peralatan yang digunakan untuk menangkap ikan samada yang telah rosak atau yang tidak digunakan lagi di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam serta hendaklah dibuang di kawasan pembuangan sampah yang bersesuaian.
The licensee shall not dispose of items including equipment used for fishing operations that are either damaged or no longer in use into the waters of Brunei Darussalam and shall be disposed of at the appropriate waste disposal sites.
23. Pemegang lesen hendaklah mematuhi Akta Perikanan, Penggal 61 dan undang-undang dan peraturan-peraturan Negara Brunei Darussalam.
The licensee shall comply with the Fisheries Act, Chapter 61 and the laws and regulations of Brunei Darussalam.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

Nota:-

Notes:-

- Zon 4A ialah kawasan 45.1 sehingga 70 batu nautika daripada pantai.
Zone 4A is the area within 45.1 to 70 nautical miles from the shore.
- Bayaran lesen alat pukat lingkong menggunakan kapal adalah B\$150.00 setahun.
The licence fee for purse seine is B\$150.00 per year.
- Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa kesemasa.
The Director of Fisheries shall have the right to add or vary the conditions of the licence as and when required.
- Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberi Kuasa mempunyai kuasa untuk memeriksa kapal tangkapan ikan menggunakan alat pukat lingkong pada bila-bila masa.
Authorised Officers from the Department of Fisheries have the authority to inspect the fishing vessels at any time.
- Pengarah Perikanan boleh membatalkan suatu lesen atau menarik balik kebenaran tawaran peruntukan bagi mengendalikan perusahaan penangkapan ikan menggunakan kapal di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam:-
The Director of Fisheries shall revoke the licence or the permission for fishing vessel operation in Brunei Darussalam waters:-
 - jika pemegang lesen gagal membaharui lesen sebelum tarikh mansuh lesen tersebut tanpa alasan munasabah yang dapat diterima oleh Jabatan Perikanan;
if the licensee failed to renew the licence before the expiration date without any valid reason acceptable by the Department of Fisheries;
 - jika kapal gagal beroperasi menangkap ikan untuk tempoh berterusan selama tiga (3) bulan tanpa alasan munasabah yang dapat diterima oleh Jabatan Perikanan;
if the fishing vessel failed to carry fishing operation for a continuous period of three (3) months without any valid reason acceptable by the Department of Fisheries;
 - jika didapati kapal tidak selamat untuk beroperasi di laut dan mana-mana permohonan pembaharuan lesen tidak akan disokong untuk diluluskan; dan
if it is found that the fishing vessel is unsafe to operate at sea and any application for licence renewal will not be approved; and



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

- jika didapati mana-mana syarat-syarat lesen, undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dan apa-apa sekatan atau remedi lain yang diperuntukkan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 atau undang-undang dan peraturan-peraturan Negara Brunei Darussalam tidak dipatuhi.

in the event of any breach of any licence conditions, laws, and regulations, and any other sanctions or remedies provided for under the Fisheries Act, Chapter 61 or the laws and regulations of Brunei Darussalam.

- Nakhoda kapal yang berada di atas kapal semasa beroperasi menangkap ikan diperlukan untuk mempunyai Sijil Asas Latihan Keselamatan yang diakui oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) yang masih sah tempohnya.

During operation, the captain on board is required to have a valid Certificate of Basic Safety Training recognized by Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).

- Merujuk kepada Bab 3 dan 4, Perintah Perkapalan Pedagang (Zon-Zon Keselamatan), 1988 dan Pindaan 2013 di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), pemilik atau nakhoda kapal adalah ditegah memasuki atau berlabuh di kawasan perairan:

Referring to Sections 3 and 4, Merchant Shipping (Safety Zones) Order, 1988 and Amendment 2013 under the jurisdiction of Maritime and Port Authority Brunei Darussalam (MPABD), the owner or the master of the vessel is prohibited to enter or anchor within the maritime area of:

- jarak lingkungan 500 meter dari binaan atau pemasangan luar pantai yang diukur dari setiap sudut hujung binaan atau pemasangan yang terletak di dalam perairan Negara Brunei Darussalam termasuk pelantar-pelantar minyak; dan

500 meters from offshore structures or installations measured from each point on the edge of the structure or installation within the Brunei Darussalam waters including the oil platforms; and

- enam (6) Zon-Zon Keselamatan yang dinyatakan dalam Jadual Perintah Perkapalan Pedagang (Zon-Zon Keselamatan), 1988.

six (6) Safety Zones as defined in the Schedule to the Merchant Shipping (Safety Zones) Order, 1988.

Jika mana-mana pihak yang didapati tidak mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut, boleh diambil tindakan di bawah Bab 132(6), Perintah Perkapalan Pedagang, 2002 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga B\$100,000 atau penjara sehingga sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya sekali, dan perahu boleh ditahan oleh pihak berkuasa

Any person found to be in contravention of the provisions above, action may be taken in accordance with Section 132(6), Merchant Shipping Order, 2002 and



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

upon conviction shall be liable to a fine up to B\$100,000 or imprisonment of up to ten (10) years or both, and the vessel shall be liable to be detained.

- Nakhoda kapal hendaklah melaporkan kepada *Muara Signal Station* semasa keluar ke laut beroperasi dan semasa masuk selepas beroperasi.

The captain shall report to Muara Signal Station upon departing and returning from the sea during operation.

- Pemegang lesen hendaklah memindahkan kapal tangkapan ikan tersebut daripada kawasan berlabuh di bawah kawalan Jabatan Perikanan dengan serta merta jika peruntukan lesen alat menangkap ikan menggunakan kapal berkenaan di tarik balik.

The licensee shall remove the fishing vessel immediately from the anchorage area under the purview of the Department of Fisheries if the provision of fishing gear license is revoked.

- Jika sekiranya pemegang lesen didapati gagal untuk mengeluarkan kapal tersebut daripada kawasan berlabuh di bawah kawalan Jabatan Perikanan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh surat penarikan balik kebenaran tawaran peruntukan bagi mengendalikan perusahaan penangkapan ikan menggunakan kapal di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam, maka Jabatan boleh mengambil tindakan untuk melelong, menjual atau melupuskan kapal tersebut dan kos pelupusan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

If the licensee fails to remove the fishing vessel from the anchorage area under the purview of the Department of Fisheries within one (1) month from the date of revocation of permission letter for fishing vessel operation in Brunei Darussalam waters, the Department shall take action by auction, sell or dispose the fishing vessel and the cost of disposal shall be fully borne by the licensee.

- Jika sekiranya kapal tersebut didapati tenggelam, terkandas atau ditinggalkan (terbiar) tanpa tindakan bersesuaian daripada pemegang lesen, pemegang lesen boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 57(3), Perintah Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam, 2017 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$10,000 dan jika berterusan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$2,000 setiap hari atau sebahagian daripadanya semasa notis tidak dipatuhi.

If the fishing vessels are found to be sunk, stranded or abandoned without any action from the licensee, actions can be taken to the licensee under Section 57(3), Maritime and Port Authority Brunei Darussalam Order, 2017 and if found guilty of an offence shall be liable upon conviction to a fine not exceeding B\$10,000 and, in the case of a continuing offence, to a further fine not exceeding B\$2,000 for every day or part thereof during which the notice is not complied with.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang ada.
Other conditions are as enforced under the Fisheries Act, Chapter 61 and the existing Fisheries Regulations.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perikanan, Penggal 61 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.
Failure to comply with the conditions of the licence is an offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Act, Chapter 61 and upon conviction is liable to a fine not exceeding B\$10,000 or imprisonment of one (1) year or to both.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.
I hereby agree with the terms and conditions as stated above.

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Syarikat dan Alamat : _____
Company and Address

No. Kad Pengenalan : _____
Identity card No.

No. Telefon : _____ (pejabat) _____ (hp) _____ (faks)
Telephone No. (office) (mobile phone) (fax)

Emel : _____
Email

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date

=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
FOR ADMINISTRATIVE USE

Pegawai Yang Diberikuasa :
Authorised Officer

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date